

MODEL TASMIK

KONSEP DAN PANDUAN PELAKSANAAN

TAKRIF

Satu program membimbing dan merekod perkembangan bacaan al-Quran murid secara individu berdasarkan program yang diatur bagi membolehkan murid khatam semasa berada di Sekolah Kebangsaan dan dilaksanakan di luar jadual waktu.

OBJEKTIF

- **Murid dapat membaca al Quran dengan bertajwid.**
- **Murid dapat menghatamkan bacaan al-Quran 30 juzuk.**

KUMPULAN SASARAN

Semua murid beragama Islam tahun 2 hingga tahun 6 sekolah rendah.

STRATEGI PELAKSANAAN

- Semua murid hendaklah menggunakan al-Quran Rasm Uthmani.
- Setiap murid perlu mempunyai guru pembimbing yang dilantik oleh pihak sekolah.
- Pembimbing boleh dilantik daripada sesiapa sahaja yang berkebolehan dan berkemampuan seperti guru Pendidikan Islam, guru-guru agama, ibubapa, guru-guru akademik di sekolah, pelajar Maahad Tahfiz dan lain-lain. Murid yang telah khatam al-Quran boleh menjadi pembantu kepada guru pembimbing.

STRATEGI PELAKSANAAN

- Guru Pembimbing hendaklah membimbing bacaan dan merekod bacaan murid dalam Buku Rekod Bacaan setiap kali ditasmik.
- Murid yang masih tidak dapat membaca al-Quran perlu dibimbing secara berterusan menggunakan kaedah dan aktiviti yang sesuai seperti Kem Literasi al-Quran, kelas tambahan dan sebagainya oleh Guru Pendidikan Islam.
- Setiap murid mesti memiliki Buku Rekod Bacaan al-Quran yang disediakan oleh pihak Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Guru Pendidikan Islam hendaklah menilai dan mengesahkan pencapaian murid sekurang-kurangnya sekali seminggu dalam Buku Rekod Bacaan.

STRATEGI PELAKSANAAN

- Guru Pendidikan Islam hendaklah memastikan murid-murid mendapat bimbingan dari guru pembimbing sebelum penilaian dilaksanakan.
- Murid dikehendaki membaca Al-Quran berdasarkan agihan muka surat yang dicadangkan seperti dalam lampiran.
- Murid-murid yang cemerlang boleh meneruskan bacaan tanpa terikat dengan agihan juzuk yang dicadangkan.

STRATEGI PELAKSANAAN

- Bagi melaksanakan agihan yang dicadangkan murid digalakkan membaca al-Quran setiap hari supaya mereka tidak membaca banyak ayat dan bagi membolehkan memberi tumpuan kepada kualiti bacaan. Ini penting terutama bagi murid yang belum menguasai bacaan.
- Murid boleh membaca dan mentasmik bacaan al-Quran pada bila-bila masa (luar jadual waktu) sama ada di sekolah atau di rumah.
- Pihak sekolah hendaklah membuat penilaian dan menyediakan laporan kepada JPN.

AGIHAN TUGAS

Ketua Sektor Pengurusan Pendidikan Islam dan Moral, Penolong Pengarah Kurikulum, Penyelia Pendidikan Islam Negeri dan Daerah bertanggungjawab;

- memberi taklimat pelaksanaan projek kepada sekolah rintis.
- memantau pelaksanaan projek.
- menyediakan laporan projek.

AGIHAN TUGAS

Guru Besar bertanggungjawab;

- menubuhkan Jawatankuasa Pelaksana peringkat sekolah.
- mengadakan mesyuarat penyelarasan pelaksanaan projek.
- mengeluarkan surat pelantikan kepada guru pembimbing.
- memberi taklimat kepada ibu bapa/penjaga dan guru pembimbing murid yang terlibat.
- memastikan projek ini dapat dilaksanakan dengan sempurna.
- memantau pelaksanaan Model Tasmik.
- mengesahkan laporan yang dibuat oleh guru dan dihantar ke JPN.

AGIHAN TUGAS

Ketua Panitia Pendidikan Islam bertanggungjawab;

- bertindak sebagai setiausaha jawatankuasa pelaksana peringkat sekolah.
- mengadakan mesyuarat dan perbincangan bagi mencari Guru Pembimbing.
- bekerjasama dengan Guru Pendidikan Islam menyediakan
- keperluan pelaksanaan projek.
- menyemak laporan yang dibuat oleh guru mata pelajaran.

AGIHAN TUGAS

Guru Pendidikan Islam bertanggungjawab;

- mengenal pasti dan mengumpul data guru pembimbing al-Quran seperti nama, alamat serta masa untuk membimbing murid.
- semua murid yang terlibat dengan projek ini perlu ditentukan pembimbingnya.
- menjadi penilai serta membuat pengesahan dalam rekod bacaan murid seminggu sekali.
- menentukan pencapaian murid dan dicatatkan dalam Buku Rekod Bacaan.
- memaklumkan sebarang masalah murid dan pembimbing kepada jawatankuasa pelaksana peringkat sekolah.
- membuat laporan dengan mengisi borang pencapaian al-Quran seperti lampiran.

AGIHAN TUGAS

Guru Pendidikan Islam bertanggungjawab;

- mengenal pasti dan mengumpul data guru pembimbing al-Quran seperti nama, alamat serta masa untuk membimbing murid.
- semua murid yang terlibat dengan projek ini perlu ditentukan pembimbingnya.
- menjadi penilai serta membuat pengesahan dalam rekod bacaan murid seminggu sekali.
- menentukan pencapaian murid dan dicatatkan dalam Buku Rekod Bacaan.
- memaklumkan sebarang masalah murid dan pembimbing kepada jawatankuasa pelaksana peringkat sekolah.
- membuat laporan dengan mengisi borang pencapaian al-Quran seperti lampiran.

AGIHAN TUGAS

Guru Pembimbing bertanggungjawab;

- membantu dan membimbing murid sehingga khatam al-Quran.
- mencatat setiap kali bacaan murid dalam Buku Rekod Bacaan.
- mengenalpasti kelemahan dan membuat pemulihan.
- memaklumkan kepada guru penilai sebarang masalah yang timbul.

PENILAIAN

- Penilaian ringkas perlu dilakukan secara mingguan kepada murid bagi mengesahkan murid tersebut benar-benar menguasai bacaan yang direkodkan oleh guru pembimbing.
- Penilaian secara menyeluruh hendaklah dilakukan di akhir tahun bagi menentukan tahap pencapaian bacaan al-Quran setiap individu.